



Prof Mohd Effendy (dua dari kiri) menyampaikan sijil kepada wakil setiap modul sambil diperhatikan Mohamad (dua dari kanan) pada Majlis Perasmian Penutup Program Sainstis Islam Terengganu Kohort II dan Transformasi Minda Psikospiritual Remaja 2016 di Universiti Malaysia Terengganu.

[FOTO MOHD SYAFIQ RIDZUAN AMBAK/BH]

Terengganu usaha lahir saintis Islam

» 10 modul utama KOHORT II diguna kepada pelajar berkampung sebulan di UMT

Oleh Aslina Abu Bakar
bhkt@bh.com.my

► Kuala Nerus

Dalam usaha merealisasikan hasrat kerajaan Terengganu melahirkan saintis Islam dalam tempoh tidak lebih 10 tahun ini, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Yayasan Tereng-

ganu menjalankan Program Sainstis Islam Terengganu KOHORT II dan Transformasi Minda Psikospiritual Remaja 2016, di sini.

Program yang dijalankan sejak 24 Januari itu membabitkan 11 pelajar cemerlang dari Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu di seluruh negeri.

Babit 11 pelajar cemerlang Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMT, Prof Dr Mohd Effendy Abd Wahid, berkata sebanyak 10 modul utama KOHORT II digunakan kepada pelajar yang berkampung selama sebulan di UMT.

“UMT mempunyai sekumpulan pakar yang berkolaborasi dengan pakar di Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin

(UniSZA) bagi membangunkan 10 modul ini untuk dipindahkan keilmuan berkenaan kepada komuniti.

“Antara modul yang digunakan sepanjang program ini adalah Modul Apresiasi Ketamadunan Islam dan Kenegaraan, Modul Integrasi Minda Quranik dan Sainstifik, Pengembangan Daya Fikir dan Intelektual, Pemantapan Jati Diri Psikospiritual, Komunikasi dan Dominasi Bahasa, Modul Kecergasan Fizikal dan Pemakanan Rasulullah, Modul Penerokaan Sains dan Matematik, Aplikasi Sains dan Teknologi serta Keusahawanan dan Modul Eksplorasi Kerjaya,” katanya.

Mohd Effendy yang ditemui pada majlis penutup program berkenaan di UMT semalam berkata, pembangunan mo-

dul itu dapat membantu usaha kerajaan mencapai hasrat melahirkan saintis Islam Terengganu kerana pemindahan ilmu dapat melatih pelajar ke arah keseimbangan pembinaan tamadun rohani atau spiritual dan kebendaan.

“Ia adalah wahana penting bagi membantu melahirkan generasi ulul albab, golongan profesional dan teknokrat dalam pelbagai bidang yang bukan sahaja pakar dalam bidang masing-masing malah mempunyai integriti dan berakhlak.

Kembali zaman kegemilangan ilmu Islam

“Selain itu, usaha sama ini diharapkan dapat mengembalikan zaman puncak kegemilangan ilmu Islam dan teknologi iaitu zaman keemasan Islam yang dikenali sebagai *The Golden Ages Of Islamic Science*” katanya.

Yang turut hadir pada majlis berkenaan pengarah YT, Mohammad Sulong dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat negeri, Mohammad Nasir Suratman.

Sementara itu, Mohammad berkata dua daripada 11 pelajar yang mengikuti program berkenaan akan dipilih melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan Islam di Kolej Yayasan (UEM) di Lembah Beringin, Perak.

“Pada tahun lalu yayasan memberi penajaan kepada seorang pelajar untuk mengikuti program aeroangkasa, manakala tahun ini kita akan memilih dua lagi pelajar ke UEM untuk bidang kejuruteraan.

“Semua 11 pelajar ini berjaya menamatkan 30 juzuk al-Quran dan pelajar cemerlang. Jadi untuk membuat pemilihan yang lebih baik pihak kami mengadakan program sebegini kerana ingin melihat sendiri kebolehan yang ada pada pelajar,” katanya.